

Banjir di Pantai Timur hampir pulih

KUALA LUMPUR 2 Jan. - Berikutan cuaca baik hari ini, keadaan banjir dalam gelombang kedua di Kelantan dan Terengganu hampir pulih sepenuhnya apabila hanya tinggal 59 mangsa banjir yang berada di

pusat pemindahan berbanding 182 mangsa pagi tadi.

Menurut portal banjir Majlis Keselamatan Negara di **KELANTAN**, keadaan banjir di jajahan Pasir Puteh hanya 18 orang daripada lima ke-

uarga, yang masih ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Bukit Awang, Pasir Puteh.

Di **TERENGGANU**, seramai 41 mangsa banjir berada di dua pusat pemindahan iaitu 20 orang berada di

Dewan Orang Ramai Batu 24, di Hulu Terengganu dan 21 orang di Setiu, berada di Surau Kampung Nyatoh.

Menurut portal itu sehingga kini, banjir di Terengganu meragut enam nyawa.

Gelombang pertama melanda negeri di Pantai Timur Semenanjung selama seminggu mulai 23 Disember lalu manakala gelombang kedua melanda pada 31 Disember.

- BERNAMA

Sekitar Banjir Di Kelantan dan Terengganu



JAMBATAN GANTUNG

SEORANG ibu, Hanisah Harun, 42, menggunakan jambatan gantung yang dibina oleh suaminya untuk pergi ke kedai selepas kawasan sekitar rumahnya ditenggelami air di Kampung Bukit Lata, Rantau Panjang, Kelantan, semalam.



AGIH BANTUAN

AHLI-AHLI Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Kawasan Kuala Besut menggunakan bot untuk mengagih beras kepada salah seorang penduduk di Kampung Nangka, Kuala Besut, Besut, Terengganu, semalam.